

LHDN sukar dihubungi talian Hasil Care line tidak berfungsi?

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin bertanya kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengapakah talian Hasil Care Line LHDN 1800885436 dan

talian 0377136655 sukar untuk dihubungi? Selama tiga hari saya cuba menghubungi LHDN menggunakan dua talian ini tetapi gagal. Hanya jawapan melalui mesin yang memberitahu, semua

talian penuh pada masa ini, sila cuba sekali lagi. Setiap kali saya mendail dua nombor ini, saya akan mendengar dialog yang sama. Situasi ini tidak sepatutnya berlaku kerana menyusahkan

pembayar cukai seperti saya. Harap LHDN membuat penambahbaikan.

PEMBAYAR CUKAI

Kuala Lumpur